

2 Mei 2018

Pengarang Kumpulan/Pengarang/Pengurus Berita TV & Radio
Pengurus Sumber Manusia & Latihan
Pertubuhan Media di Malaysia

Salam hormat dari Malaysian Press Institute,

KURSUS LITERASI MAKLUMAT DAN MEDIA
27 Jun 2018, Rabu
Perpustakaan Negara Malaysia

Dengan segala hormatnya dimaklumkan, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Malaysian Press Institute (MPI) akan menganjurkan Bengkel Literasi Maklumat dan Media. Bengkel ini akan diadakan pada Rabu, 27 Jun 2018 bertempat di Pusat Hipermedia Dewasa, Aras 4, Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Perak, 50572 Kuala Lumpur

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan terkini mengenai literasi penyelidikan maklumat kepada para pengamal media agar dapat membantu mereka dalam menyampaikan maklumat dengan lebih efisien dan tepat kepada masyarakat.

Sehubungan itu, MPI mempelawa pertubuhan media YBhg. Datuk/Tuan/Puan menyertai kursus ini dengan mengemukakan nama-nama wartawan/wartawan kanan/editor yang berminat, dengan mengembalikan borang penyertaan yang dilampirkan melalui faksimili ke nombor 03-8689 2720 atau emel ke norhafiza_mpi@yahoo.com / kamariah_mpi@yahoo.com pada atau **sebelum Isnin, 18 Jun 2018**.

Bersama ini dilampirkan program tentatif untuk perhatian pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan.

Untuk makluman, bayaran yuran penyertaan adalah sebanyak **RM50** seorang untuk ahli MPI dan **RM100** seorang untuk bukan ahli MPI. Bayaran yuran penyertaan ini hendaklah dikemukakan sebelum / pada hari pendaftaran kursus. Pihak penganjur akan menyediakan minum pagi / petang, makan tengahari, sijil serta kelengkapan kursus. Kursus ini akan hanya dilaksanakan sekiranya pihak penganjur mendapat penyertaan seramai 15-20 orang. MPI adalah sebuah pusat latihan yang berdaftar dengan "*Human Resource Development Fund*" (HRDF) dengan nombor pendaftaran TP10001678.

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan oleh pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan, bolehlah berhubung dengan Puan Fiza / Puan Kama melalui emel atau menghubungi talian 03-8689 2717 / 2718 / 2719. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan dalam menjayakan program ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Salam hormat,



DATUK DR. CHAMIL WARIYA
Ketua Pegawai Eksekutif



**KURSUS LITERASI MAKLUMAT DAN MEDIA
RABU, 27 JUN 2018
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

Program Tentatif

8.30 pagi – 9.00 pagi	Pendaftaran Peserta
9.00 pagi – 10.00 pagi	Pengenalan kepada Maklumat dan Literasi Maklumat Modul 1: Mengenalpasti Keperluan Maklumat Penceramah: <i>TBC</i>
10.00 pagi – 10.30 pagi	Minum Pagi
10.30 pagi – 12.30 t/hari	Modul 2: Pencarian Maklumat Modul 3: Penilaian Maklumat Modul 4: Pengurusan Maklumat Modul 5: Etika Penggunaan Maklumat Modul 6: Penyebaran Maklumat Refleksi Minda / Aktiviti Kuiz Penceramah: <i>TBC</i>
12.30 t/hari – 2.00 petang	Makan Tengahari / Rehat
2.00 petang – 3.30 petang	Sesi Latihan <i>Hands-on</i> Perkhidmatan Sumber Elektronik Penceramah: <i>TBC</i>
3.30 petang – 4.00 petang	Minum Petang
4.00 petang – 4.45 petang	Sesi Latihan <i>Hands-on</i> Perkhidmatan Sumber Elektronik (sambungan)
5.00 petang	Bersurai

BORANG PENYERTAAN

Malaysian Press Institute
C2-3, Radius Business Park
Jalan Radius 1/1C, Cyber 4
63000 Cyberjaya, Selangor.
(u/p: Pn. Fiza/Pn. Kama)

Tel: 03-86892717/2718/2719 Fax: 03-86892720

Puan,

KURSUS LITERASI MAKLUMAT & MEDIA
27 Jun 2018
Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Pertubuhan media kami.....mencalonkan nama / nama-nama
berikut menyertai kursus tersebut:

	<i>Nama:</i>	<i>Jawatan/Meja:</i>	<i>No. HP:</i>	<i>Email:</i>
1.
2.
3.

.....
(Tandatangan Ketua Pengarang/ Pengarang/
Pengurus Sumber Manusia)

Cop dan Alamat Pertubuhan Media

Nama :

Jawatan :

No Tel :

No Fax :

Tarikh :

(Nota: Borang yang telah diisi hendaklah dikembalikan melalui email/fax seperti alamat di atas sebelum **Isnin, 18 Jun 2018**)